

MRT Corp beri kontrak lebih RM20b

➔ Kerja pembinaan laluan Sungai Buloh-Serdang Putrajaya

Mass Rapid Transit Corp Sdn Bhd (MRT Corp) sudah menganugerahkan nilai kontrak lebih RM20 bilion untuk membina Laluan Sungai Buloh-Serdang Putrajaya (SSP) setakat Jun 2016, kata Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam, Datuk Najmuddin Abdullah.

Daripada 72 pakej, katanya, MRT Corp memberikan 16 pakej, iaitu tujuh pakej kerja lanjutan, empat pakej kerja jambatan; dua pakej kontraktor/pembekal ditetapkan dan tiap satu untuk pakej kerja depoh serta pakej kerja di bawah tanah.

Beliau berkata, untuk pakej kerja di bawah tanah bernilai RM15.47 bilion, MRT Corp memberikannya kepada MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd bagi membina 11 stesen di bawah tanah meliputi 13.5 kilometer trek MRT.

Daripada 10 pakej kerja jambatan, empat sudah diberikan.

Tiga stesen baharu

“Pakej V201 bernilai RM1.4 bilion diberikan kepada Sunway Construction Sdn Bhd untuk membina tiga stesen baharu dari Damansara Damai ke Sri Damansara dan pakej V202 bernilai RM1.44 bilion diberikan kepada Ahmad Zaki Sdn Bhd untuk membina empat stesen baharu dari Kepong Sentral ke Jinjang.

“Ketiga, pakej V203 bernilai RM1.47 bilion diberikan kepada IJM Construction Sdn Bhd untuk membina empat stesen baharu dari Sri Delima ke Jalan Ipoh dan pakej V210 bernilai RM648 juta diberikan kepada MRCB bagi membina dua stesen dari Cyberjaya ke

Putrajaya,” katanya.

Najmuddin berkata, syarikat itu telah menjalankan kajian maklum balas awam tahun lalu, yang menarik 10,000 responden di 27 lokasi berbeza dan keputusannya memberangsangkan yang mana 90 peratus memberi sokongan kepada Laluan SSP.

“Ini menunjukkan kesan Laluan SSP akan menjadi besar untuk orang ramai berulang alik ke pusat perniagaan dengan mudah,” katanya pada taklimat media Laluan SSP MRT di Sri Kembangan, Selangor, semalam.

Fasa pertama siap Julai 2021

Sementara itu, Najmuddin berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan merasmikan majlis pecah tanah Laluan SSP pada akhir Ogos 2016, yang akan memberi perkhidmatan kepada kira-kira dua juta penduduk dari Sungai Buloh ke Putrajaya.

Ia akan termasuk Damansara Damai, Jalan Ipoh, Kampung Bharu, KLCC, Tun Razak Exchange,



Ini menunjukkan kesan Laluan SSP akan menjadi besar untuk orang ramai berulang alik ke pusat perniagaan dengan mudah”

Najmuddin Abdullah,
Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam

Kuchai Lama, Seri Kembangan dan Cyberjaya.

Fasa pertama Laluan SSP yang mengandungi 12 stesen baharu disasarkan siap pada Julai 2021. Ia beroperasi dari Kwasa Damansara ke Kampung Batu.

Fasa kedua dijangka siap pada suku kedua 2022. Ia akan mempunyai 11 stesen bawah tanah dan 26 stesen bertingkat dengan jangkakan 533,000 penumpang sehari.

Proses ambil alih tanah

Sementara itu, Najmuddin berkata, MRT Corp masih dalam proses mengambil alih tanah untuk projek Laluan SSP sepanjang 52.2 kilometer.

Katanya, projek itu akan membabitkan pengambilalihan 761 bidang tanah, iaitu 290 milik kerajaan dan 471 milik swasta.

“Kami masih dalam proses mengambil alih tanah terbabit dan pada asasnya 81 peratus tanah projek itu dimiliki kerajaan,” katanya.